



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (63) 03/09

## **PROGRAM VETERAN MADANI SEMPORA DAN TAWAU BUKTI VETERAN ATM TERUS DIBERI PERHATIAN**

1. **Tawau, 10 September 2024** – Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan cakna terhadap kebajikan dan isu-isu yang berkaitan veteran ATM dengan menyantuni para veteran ATM menerusi **Program Peduli Veteran Madani (PVM)**. Menerusi program PVM, **Timbalan Menteri Pertahanan YB Adly Zahari** telah berkunjung ke **Semporna dan Tawau** dalam siri lawatan beliau ke Sabah bermula **8 hingga 10 September 2024**. Program PVM pada kali ini adalah kunjungan pertama beliau ke dua-dua daerah ini dalam usaha bertemu dengan para veteran ATM dan keluarga.
2. Sepanjang program, YB Adly berpeluang menyantuni **21 orang veteran ATM** yang sedang uzur dan sakit kronik. Daripada jumlah tersebut seramai **3 orang adalah veteran ATM dari kategori usahawan**. Selain bertanya khabar, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut berbesar hati menyerahkan sumbangan berupa barang keperluan seperti makanan, susu kesihatan, lampin pakai buang kepada setiap veteran yang diziarahi serta mengagihkan **500 Bakul Rahmah** kepada persatuan-persatuan veteran setempat untuk diagihkan kepada veteran asnaf. **Daerah Semporna mempunyai seramai 594 orang veteran ATM** dan 174 daripadanya adalah veteran yang tidak berpencen manakala **Daerah Tawau mempunyai 741 orang veteran ATM** dan 258 daripadanya adalah veteran yang tidak berpencen. Jumlah ini turut merangkumi **jumlah keseluruhan veteran ATM di negeri Sabah iaitu seramai 8,068 orang** dan 3,174 adalah veteran yang tidak berpencen.
3. Mendokong Teras ke-6 Dasar Madani iaitu 'Ihsan', Kerajaan komited meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada tahun **2024**. Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada Veteran ATM. Justeru, **veteran ATM disaran untuk mendaftar dan mengemaskini maklumat peribadi dengan JHEV ATM serta persatuan-persatuan di lokaliti masing-masing** bagi memastikan semua Skim Bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam dapat disalurkan kepada veteran ATM yang berkelayakan secara teratur dan efektif.
4. Pada tahun ini, **kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 Juta**. Sehingga 30 Jun 2024, seramai **29,331 veteran ATM** telah menerima faedah ini melibatkan perbelanjaan hampir RM56 juta.

5. Inisiatif PVM bertindak sebagai medan untuk interaksi secara dua hala antara Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM melibatkan **5 fokus utama iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemerkasaan ekonomi veteran ATM**. PVM akan terus menjadi platform Kementerian untuk menyampaikan sumbangan kebajikan dan insentif keusahawanan kepada Veteran ATM yang memerlukan sebagai galakan untuk memperkasakan sosioekonomi mereka.

6. **Menyokong inisiatif Pelan Strategik MINDEF 2021-2025: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM**, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PVM menerusi kerjasama dengan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima segala manfaat yang disediakan.

7. Terdahulu, **Timbalan Menteri Pertahanan YB Adly Zahari** telah memulakan lawatan beliau ke negeri Sabah dengan **menziarahi keluarga Allahyarham Laskar Kelas (LK) I PLM Arman San bin Hermansa, anggota penyelam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang meninggal dunia semasa Operasi Salvaj KD PENDEKAR di perairan Tanjung Pengelih, Johor pada 28 Ogos 2024 yang lalu**. Allahyarham yang bertugas sebagai Penyelam Ranjau TLDM dari markas Selam dan Peperangan Periuk Api (MSPPA) adalah anak kelahiran Kampung Sapagaya, Lahad Datu. Kunjungan YB Adly ke atas keluarga Allahyarham adalah bukti komitmen Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan anggotanya dan keluarga serta untuk menzahirkan rasa simpati beliau kepada keluarga, mengambil kira Allahyarham telah banyak menabur jasa kepada negara sepanjang berkhidmat sebagai anggota ATM.

8. YB Timbalan Menteri Pertahanan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Malaysia ke-61 dan Sabah telah dipilih sebagai tuan rumah untuk sambutan pada tahun 2024. Sempena sambutan bersejarah ini, lawatan PVM pada kali lebih bermakna sebagai tanda penghargaan kepada veteran ATM yang telah berkorban demi kedaulatan negara.

9. Sebagai menyeru Program PVM Semporna dan Tawau pada kali ini turut diiringi Timbalan Ketua Pengarah JHEV; Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Penolong Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sabah; Kapten Muhammad Khadir bin Ramlee TUDM serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Semporna dan Tawau.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**